

Pemimpin pembangkang turut sokon bukan Melayu jadi PM

BH 19 N 2000

KUALA LUMPUR, Ahad - Pelbagai pihak, termasuk parti pembangkang dan masyarakat bukan Melayu, menyokong kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa orang bukan Melayu boleh menjadi Perdana Menteri.

Pas yang bersetuju dengan pendapat Perdana Menteri itu menganggap sesiapa saja boleh diterima menjadi pemimpin negara ini dengan syarat tokoh berkenaan adalah seorang Islam.

Di PENAMPANG, Sabah, Presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazan-dusun Bersatu (Upko), Tan Sri Bernard Dompok, berkata apabila persoalan kaum dan agama tidak lagi

menjadi isu utama pada masa depan, bukan sesuatu yang mustahil orang bukan Melayu menjadi Perdana Menteri.

"Oleh itu, kenyataan Dr Mahathir itu sebenarnya adalah susulan logik terhadap pembentukan Bangsa Malaysia pada masa depan," katanya.

Dompok yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, sesiapa saja boleh menjadi Perdana Menteri jika mendapat sokongan majoriti rakyat negara ini.

"Perkara ini sebenarnya sudah berlaku di negara lain seperti Alberto Fujimori, yang berketurunan Jepun menjadi Presiden Peru disebabkan mene-

rima sokongan majoriti rakyat negara itu," katanya.

Di KOTA BHARU, Setiausaha Akhbar kepada Menteri Besar Kelantan, Mohd Fauzi Zakaria, berkata Datuk Nik Aziz Nik Mat, yang turut berbincang mengenai kenyataan itu tidak terkejut, walaupun awalnya ada yang beranggapan ia menggugat ketuanan Melayu di negara ini.

"Nik Aziz tidak terkejut dengan kenyataan Dr Mahathir, sebaliknya menganggap perkara yang dibawa Dr Mahathir sebagai ketinggalan. Pas sejak dulu lagi sudah membuat pendirian bahawa kita boleh menerima sesiapa saja menjadi pemimpin negara

dengan syarat dia adalah seorang Islam," katanya.

Seorang lagi pemimpin Pas, Husam Musa, pula berkata Pas sudah lama berpendirian bahawa sesiapa saja boleh menjadi pemimpin negara ini asalkan mereka beragama Islam.

"Islam ini adalah universal, kalau orang Cina atau orang India menjadi Perdana Menteri apa salahnya, asalkan mereka beragama Islam," katanya.

Naib Presiden Parti Gerakan-Rakyat Malaysia (Gerakan), Dr S Vijayarajam, berkata kenyataan Dr Mahathir itu amat dialu-alukan kerana ia yang menunjukkan sikap kesederhanaan dan berfikir terbuka.